

**TEKS UCAPAN PENGARAH
KESIHATAN NEGERI MELAKA**

**AMANAT TAHUN 2019 DAN
PERHIMPUNAN BULANAN BIL.1/2019**

TARIKH : 16 JANUARI 2019 (RABU)

**TEMPAT : AUDITORIUM BAIDURI
HOSPITAL MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa.

Pintar, Hijau dan Bersih.

Melaka Sihat, Segak dan Sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Saudari Pengerusi
Majlis;

Yang Berusaha Tuan Muhabir Bin Ibrahim,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan),
Yang Dihormati Dr. Hajjah Hatijah Binti Hj Mohd Tan
Pengarah Hospital Melaka,
Yang Berbahagia Datuk Dr. Dul Hadi Bin Mat Junid,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan),
Yang Berusaha Dr. Hj Amirullah Bin Mohd Arshad,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan
Awam),
Puan Norzidah Binti Abu Khair, Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan),

Yang Berusaha Dr. Muhamad Bin Mahadi, Timbalan
Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Pergigian),
Puan Normah Binti Talib
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi),
Pengarah Hospital Alor Gajah,
Pengarah Hospital Jasin,
Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah,

Ketua-Ketua Jabatan Hospital Melaka,
Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah,
Pakar-Pakar Perubatan,
Pegawai-pegawai Perubatan seterusnya warga
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang saya kasihi
sekalian.

Pembukaan

1. Pertama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT atas perkenan-Nya kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Januari 2019 Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, yang juga dirangkum menjadi Majlis Amanat Tahun 2019. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2019 kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Semoga dengan kehadiran tahun 2019 memberi kita ruang dan peluang untuk memperbaharui

azam dan tekad serta iltizam untuk berkerja dengan lebih gigih, berdedikasi, cekap dan cemerlang. Menjengah ke aspek penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan berkualiti saya menyeru agar setiap warga kerja melaksanakan peranan dan tugas masing-masing sebaiknya. Justeru, selaras dengan slogan Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau dan Bersih saya berharap kesemua warga kesihatan di negeri Melaka dapat seiring dan senada bersama-sama saya dalam memastikan Melaka Sihat, Segak dan Sejahtera.

Hadirin sekalian,

2. Pepatah ada mengatakan bahawa “tidak kenal maka tidak cinta”. Maka adalah baiknya saya memperkenalkan diri saya terlebih dahulu. Saya telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia mulai 16

Jun 1986 sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Pulau Pinang.

3. Saya percaya ramai rakan-rakan di sini yang pernah berhubung dan berkerjasama dengan saya sebelum saya dipindahkan ke Jabatan Kesihatan Negeri Melaka berkuatkuasa pada 26 November 2018 yang lalu. Justeru, saya mohon agar semua anggota Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bersama-sama saya berganding bahu dalam menerajui sektor kesihatan di Negeri Melaka ke tahap yang lebih baik pada tahun 2019 dan pada tahun-tahun yang akan datang. Kita haruslah bergerak sebagai satu pasukan yang kuat dan mengikiskan sifat mementingkan diri sendiri.

Hadirin sekalian,

Sampai di pangkalan memunggah barang,

Barang jualan habis di Paya Jaras;

Bangkit segera kita berjuang,

Hapuskan semangat culas dan malas.

3. Saya ingin berpesan kepada diri sendiri dan kita semua agar sentiasa memasang tekad untuk terus berusaha demi memartabatkan Perkhidmatan Awam secara amnya dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negeri Melaka secara khususnya. Semua warga kesihatan perlu bingkas bangun untuk melakukan perkara-perkara yang boleh memanfaatkan masyarakat dan juga diri sendiri.

4. Seperti mana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia adalah merupakan contoh tauladan

atau (*role model*) yang perlu sentiasa dicontohi dari segi aspek kesihatan. Pada usia beliau yang telah mencecah 93 tahun beliau masih aktif menjalankan aktiviti riadah dan juga menjalankan tugas harian sebagai Ketua Kerajaan. Justeru, dengan semangat Malaysia Baharu saya ingin menyeru semua hadirin untuk sentiasa mengamalkan budaya hidup yang sihat bagi memastikan tiada penyakit kronik menghantui kehidupan kita pada usia emas kelak.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Saya juga ingin menyeru agar budaya integriti menjadi perisai setiap daripada kita supaya tidak membuka ruang amalan rasuah dan kronisme. Biarlah sesuatu keputusan itu dibuat atas dasar merit dan kelayakan dan bukannya kerana kawan, kenalan atau sogokan wang ringgit yang diberikan.

6. Menerusi keprihatinan Kerajaan dan visi bagi memantapkan perkhidmatan kesihatan, batas Perbelanjaan bagi Belanja Mengurus yang telah ditetapkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka pada tahun 2019 adalah sebanyak **RM633 juta** yang menunjukkan **peningkatan sebanyak 6.7%** berbanding RM577 juta pada tahun 2018.

Manakala bagi **Belanja Pembangunan** pula, prestasi perbelanjaan **99%** dicatatkan di mana **RM13.9 juta** telah dibelanjakan berbanding RM14.1 juta peruntukan yang diterima pada tahun 2018.

Komitmen kita terhadap tadbir urus ekonomi yang terbaik melalui amalan perbelanjaan berhemah harus kita teruskan, elakkan pembaziran dengan memastikan setiap sen yang kita belanjakan, dapat memberi impak atau nilai yang besar kepada rakyat.

Warga Kesihatan yang dikasihi sekalian,

7. Melalui perutusan sempena Amanat Tahun Baharu 2019 oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Bin Ahmad yang telah diadakan pada 11 Januari lalu, Beliau ada menyatakan beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian iaitu :

1. Penjagaan Yang Memfokuskan Penyakit Tidak Berjangkit seperti Hypertensi, Diabetes, Hypercholestrlaemia dan obesiti.
2. Menjauhi Amalan Merokok
3. Mengamalkan Pemakanan Sihat
4. Mengamalkan Gaya Hidup Sihat

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Penekanan terhadap aspek pencegahan lebih baik dari mengubati perlu diterapkan kepada segenap

lapisan masyarakat. Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa bersiap sedia dalam memacu rakyat Malaysia kearah melahirkan rakyat yang lebih sihat secara fizikal dan mental.

8. Pada hari ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dengan jayanya telah melaksanakan larangan merokok di semua premis makanan bagi memastikan udara yang lebih sihat dinikmati oleh semua masyarakat. Sesuatu yang disangka mustahil dilakukan telah dapat dilaksanakan dengan semangat gaya hidup sihat.

Bahagian Perubatan

Hadirin Sekalian,

8. Syukur Alhamdulillah saya juga ingin memaklumkan bahawa Pusat Haemodialisis Komuniti Cheng yang berada di bawah seliaan Hospital Melaka akan

memulakan operasi dalam masa terdekat ini. Kewujudan pusat ini adalah bagi memudahkan pesakit di sekitarnya mendapatkan kemudahan rawatan dan sekaligus dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka.

Selain daripada itu, saya ingin memaklumkan dan mengucapkan tahniah kepada Hospital Jasin kerana pada tahun ini Hospital Jasin telah memperluaskan perkhidmatan dengan berfungsinya Unit Rawatan rapi (*Intensive Care Unit*) pada 7 Januari 2019 di mana seorang Pakar Anesthesia dari Hospital Melaka ditempatkan untuk membantu dan menyelia unit rawatan rapi tersebut.

9. Pada peringkat permulaan 1 katil ICU, 1 katil untuk *noninvasive ventilation* dan 1 katil untuk pemerhatian (*observation*) telah disediakan. Dengan kewujudan katil ICU ini adalah diharapkan agar dapat membantu

mengurangkan kekurangan katil ICU di Hospital Melaka.

10. Untuk makluman semua, Jabatan Pesakit Luar Hospital Alor Gajah akan berpindah pada 21 Januari 2019 ke Hospital Lama Alor Gajah yang telah dinaiktaraf dan diserahkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah.

11. Selaras dengan perkembangan hospital kluster, Hospital Alor Gajah akan terus berkembang dengan lebih banyak kepakaran yang akan memberi perkhidmatan khususnya klinik Pakar yang akan bertambah bilangan dan kekerapan perkhidmatan di Hospital Alor Gajah. Selain itu, bagi menampung peningkatan jumlah pesakit yang makin meningkat saban hari, bilangan katil sediaada berjumlah 95 telah ditambah kepada 104 katil bermula 1 Januari 2019. Perkhidmatan dewan bedah juga dijangka akan meningkat dengan pertambahan disiplin yang akan

melakukan pembedahan di Hospital Alor Gajah berbanding sedia ada iaitu Jabatan Pembedahan, Orthopaedik, O&G, Plastik & Rekonstruktif dan *Paeds Dental*.

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

12. Pada tahun lepas kita telah berjaya mencapai sasaran iaitu 120 premis outlet makanan di negeri Melaka mendapat pengiktirafan BeSS dan jumlah keseluruhan yang mendapat pengiktirafan adalah 222 premis makanan. Antara yang mendapat pengiktirafan adalah *food truck* di Dataran Melaka Mall, *food court* di AFamosa Freeport, AEON Bandaraya dan kafetaria di Wisma Persekutuan.

13. Bagi aktiviti pemeriksaan premis makanan, bagi tahun 2018, sebanyak 4986 premis makanan telah diperiksa oleh semua Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan Daerah. Pada tahun 2018, KPI Peratus

produk makanan yang dipantau dari segi keselamatan makanan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mencapai sasaran ditetapkan iaitu pencapaian adalah 100% berbanding sasaran hanya 95% iaitu semua sampel yang diambil mematuhi perundangan makanan negara. Ia melibatkan 110 sampel makanan daripada 10 skop seperti bahan pewarna sintetik dalam udang kering dan serbuk teh, pencemaran mikrobiologi dalam aiskrim, racun berjadual sildenafil dan tadalafil dalam kopi, bahan pengawet dalam sos (sos cili, sos tomato dan kicap), bahan pengawet asid borik dalam residu racun perosak dalam sayur-sayuran (kailan, cili, sawi, daun bawang dan daun sup).

14. Ini adalah lebih baik berbanding pencapaian 93.5% pada tahun 2017. Kita juga telah berjaya mencapai sasaran iaitu 94 industri makanan di negeri Melaka mendapat Pensijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) dan pembaharuan pensijilan

MeSTI dan menjadikan jumlah keseluruhan industri makanan yang mempunyai pensijilan ini di negeri Melaka adalah 202 buah daripada 351 industri makanan (58%).

15. Operasi penguatkuasaan mesin jual air terhadap mesin jual air yang tidak memohon lesen atau tidak diluluskan lesen telah dijalankan berkuatkuasa 1 Januari 2016. Sehingga Disember 2018, sebanyak 135 mesin jual air telah mendapat pensijilan daripada 589 mesin jual air dan tiada sitaan dibuat iaitu pencapaian sebanyak 22.5%. Kerjasama dari semua daerah diperlukan bagi mencapai sasaran semua mesin jual air dilesenkan menjelang 2020. Bagi meningkatkan kerjasama antara agensi dan industri, sepanjang tahun 2018, kita telah menganjurkan Mesyuarat Inter Agensi, dialog bersama pengeksport Negeri Melaka serta pengusaha, bekerjasama dengan Hub Halal Negeri Melaka dalam Bengkel Pensijilan MeSTI dan

bekerjasama dengan UniKL Micet dalam Pensijilan MeSTI, bekerjasama dengan pihak MARA dan Akademik Laut Malaysia (ALAM) dalam pengiktirafan BeSS.

16. Pada tahun 2019, sistem pemantauan keselamatan makanan bagi majlis keraian anjuran jabatan-jabatan kerajaan negeri Melaka (e-keraian) telah mula digunakan pada 1 Januari 2019. Adalah diharapkan sistem ini dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan perkhidmatan pemantauan dapat diberikan dengan lebih efisien, efektif dan komprehensif. Melalui sistem ini Urusetia akan dapat memantau dan mendapatkan katerer yang baik yang dapat menjalankan tugas seperti diperlukan yang mematuhi perundangan makanan negara. Katerer akan mendapat bintang berdasarkan markah, kompaun dan aduan keracunan makanan dan ia dapat memudahkan tugas urusetia dalam memilih katerer yang sepatutnya.

17. Pada tahun 2019, KPI Peratus produk makanan yang dipantau dari segi keselamatan makanan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 akan diteruskan tetapi memberi fokus kepada produk makanan tertentu yang lebih spesifik berdasarkan pendekatan *risk based* melibatkan 10 skop iaitu racun berjadual di dalam kopi pra campur dan produk makanan kesihatan, residu racun perosak dalam sayuran, siklamat di dalam jeruk buah, logam berat di dalam makanan laut kering, bahan pewarna di dalam serbuk teh, residu dadah veterinar di dalam ayam, kafein di dalam minuman berperisa, asid propionik dalam roti atau konfeksi tepung dan bakteria patogenik dan toksin di dalam susu tepung.

18. Sasaran yang ditetapkan telah meningkat dari 95% kepada 96%. Operasi Jom Benteras ke atas produk makanan dengan akuan kesihatan dan perubatan akan dijalankan bagi analisis dadah terlarang.

Penguatkuasaan iklan berkaitan produk makanan juga akan dipertingkatkan.

19. Kajian Status keselamatan makanan ikan bakar sebagai makanan popular negeri Melaka akan dijalankan bagi mengenalpasti status keselamatan makanan popular sedia untuk dimakan yang berisiko tinggi mengikut negeri (*signature dish*). Program Keselamatan Makanan (ProKEM) di dapur asrama sekolah harian di bawah KPM/ MARA, pelaksanaan pensijilan GMP di dapur asrama di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Sukan dan pembangunan program KENDIRI di sekolah di bawah Majlis Agama/ sekolah agama swasta akan dilaksanakan bagi menangani kejadian keracunan makanan. *Program Germ Buster Challenge* bagi pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Melaka akan dijalankan bagi meningkatkan pemahaman pelajar dalam mengurangkan kejadian keracunan makanan.

Bahagian Kesihatan Pergigian

20. Program Kesihatan Pergigian selaku peneraju penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian kepada segenap lapisan masyarakat di Negeri Melaka. Antara pencapaian utama bagi tahun 2018 adalah Akses Kepada Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer, Penambahbaikan Sumber Manusia dengan melantik seramai **62 graduan** Pegawai Pergigian Gred UG41 secara kontrak untuk tempoh maksimum 3 (tiga) tahun, Pengukuhan Promosi Kesihatan Pergigian seperti Program Ikon Gigi, Program Kolaborasi Promosi Kesihatan Pergigian dengan Badan-badan Agama

bertema **Kesihatan Oral dan Agama (KOA) serta** Perlaksanaan Program Kesihatan Pergigian untuk Waraga Kolej Komuniti melibatkan Kolaborasi antara Program Kesihatan Pergigian KKM dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti KPT.

21. Program Kesihatan Pergigian kini sedang giat menyusun pelbagai strategi seiring dengan semakan separuh penggal Pelan Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2011- 2020 dan Rancangan Malaysia Ke-12 serta ke arah merealisasikan agenda Transformasi Nasional 2050 Pada masa yang sama, perkara-perkara berikut merupakan antara inisiatif penting yang

dirancang bagi tahun 2019:

**a) Menambahbaik Penyampaian
Perkhidmatan Pergigian**

Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian bagi tahun 2019 akan terus ditambah baik dengan meningkatkan akses kepada perkhidmatan pergigian primer dan perkhidmatan pergigian kepakaran kepada semua golongan penting yang disasarkan. Ini termasuklah meningkatkan liputan perkhidmatan pergigian dengan Klinik Pergigian Bergerak di samping mengukuhkan perkhidmatan pesakit luar dan menaik taraf perkhidmatan pergigian kepakaran. Pada masa yang sama Klinik Promosi

Kesihatan Pergigian (*Oral Health Promoting Clinic*) akan diwujudkan bagi penyampaian perkhidmatan pergigian yang lebih bersepadu dan menyeluruh.

**b) Perluasan inisiatif Promosi
Kesihatan Pergigian**

Pelbagai inisiatif promosi kesihatan pergigian yang telah dimulakan pada tahun 2018 akan diperluaskan lagi pada tahun 2019. Ini termasuk:

- (i) Program iGG akan diperluaskan ke seluruh Negeri Melaka dengan menambah lebih ramai bilangan Fasilitator baru dan Ikon Gigi.

- (ii) Program KOA akan diteruskan kepada semua badan agama disamping memperkukuhkan lagi kolaborasi bersama Badan Agama Islam melalui aktiviti-aktiviti seperti memberi khutbah jumaat atau tazkirah pada hari Jumaat oleh anggota Pergigian disemua daerah di Negeri Melaka.
- (iii) Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti (*TW1ST*) akan diteruskan kesemua Kolej Komuniti Negeri Melaka . Program

ini juga akan mengenal pasti lebih ramai sukarelawan dari kalangan pelajar kolej komuniti yang dikenali sebagai Ikon Gigi Remaja (iGG-R). iGG-R untuk bertindak sebagai *role model* dalam menyampaikan mesej berkaitan kesihatan pergigian kepada rakan – rakan mereka. Konvensyen KOTAK (Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok) Peringkat Kebangsaan 2019 yang julung kali yang akan diadakan pada 24-25 April 2019 di MITC.

Bahagian Farmasi

22. Tahun 2018 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi Program Farmasi memandangkan kehendak masyarakat terhadap perkhidmatan yang lebih berkualiti juga perlu diseirinkan. Oleh itu, pelbagai usaha telah ditambah baik dengan memperkasakan **2 Pusat Pengambilan Ubat Susulan Setempat** di **Wisma Persekutuan** dan **UTC Bandar Melaka** bagi memudahkan orang awam yang berada di kawasan ini mengambil ubat susulan di lokasi alternatif selain daripada di klinik atau hospital.

23. Selain daripada, penggunaan “**Locker-4-U**” telah mula diperkenalkan di Hospital Melaka dan Klinik Kesihatan Masjid Tanah sebagai perintis bagi memudahkan pesakit untuk mendapatkan bekalan ubat dalam waktu yang lebih fleksibel. Kemudahan ini juga diharap akan dapat dimanfaatkan oleh fasiliti sedia ada dan dapat diperkembangkan di **2** lagi fasiliti yang telah dirancang iaitu di KK Ayer Keroh dan KK Merlimau.

24. **Medication Therapeutic Adherence Clinic (MTAC)** merupakan kesinambungan daripada aktiviti **kaunseling ubat-ubatan** yang mensasarkan golongan pesakit yang

bermasalah dalam pengubatan. Mereka ini akan diberikan perhatian, bimbingan serta dipantau untuk satu tempoh tertentu bagi memastikan tahap komplians pesakit bertambah baik. Usaha ini juga adalah untuk mengoptimumkan rawatan disamping mengurangkan pembaziran. Sebanyak **16 fasiliti** iaitu **3 hospital** dan **13 klinik kesihatan** yang menawarkan perkhidmatan ini dengan memfokuskan kepada rawatan Diabetes Mellitus. Pada tahun 2018, seramai **1,374** orang pesakit telah direkrut dan dipantau di dalam program MTAC dan diharapkan agar ia akan menampakkan impak yang lebih positif pada tahun ini.

25. **Kempen Kenali Ubat Anda** sudah tidak asing lagi bagi kita di mana pelbagai aktiviti kesedaran terhadap kepentingan penggunaan ubat yang rasional diketengahkan. Aspek keselamatan pengubatan juga dijadikan elemen penting dalam informasi yang disampaikan kepada orang awam. Penglibatan **Duta Kenali Ubat Anda** yang dilantik di kalangan wakil masyarakat telah menunjukkan impak yang sangat memberangsangkan. Sehingga kini seramai 53 orang Duta telah dilantik dan seramai 5 orang telah diberikan pengiktirafan di peringkat kebangsaan atas sumbangan yang melebihi ekspektasi serta sasaran yang ditetapkan. Sesungguhnya

usaha untuk membentuk **self-empowerment** di kalangan masyarakat perlu diteruskan dari semasa ke semasa untuk membentuk masyarakat yang berpengetahuan dan bijak memilih ubat yang selamat.

26. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan Kementerian Kesihatan untuk melindungi rakyat dari ancaman ubat-ubatan tiruan dan tidak berdaftar yang membahayakan kesihatan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak **43 operasi** telah berjaya menyita produk-produk yang tidak berdaftar serta dicemari racun yang dianggarkan bernilai hampir **RM 127,507.00** iaitu penurunan sebanyak **85%** nilai

rampasan berbanding tahun sebelumnya. Kebanjiran pendatang asing di negeri Melaka secara tidak langsung telah memberi cabaran yang besar kepada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi kerana ia menyumbang kepada lambakan produk daripada Indonesia, Bangladesh dan Myanmar di pasaran negeri. Produk-produk ini dipercayai diseludup masuk oleh warga asing kerana terdapat permintaan yang tinggi di kalangan mereka serta harga yang lebih murah berbanding pasaran semasa. **“OPS TIKAM”** telah dijalankan pada **8 Januari 2019** di 5 premis sekitar Melaka Sentral yang mensasarkan produk daripada Myanmar dan Bangladesh telah berjaya

menyita lebih daripada **80 item** dengan nilai rampasan sebanyak **RM12,008.00**.

27. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Melaka melalui akaun **twitter “Ubat Oh Ubat”** serta akaun **facebook “Sahabat Farmasi”** telah berjaya menarik lebih daripada **53 ribu orang follower**. Memandangkan medium media sosial ini dimonopoli oleh golongan muda, inisiatif ini diharap dapat membetulkan persepsi generasi hari ini demi membentuk generasi akan datang yang lebih bijak memilih ubat yang selamat. Pada tahun 2019, penyediaan bank data serta penghasilan

infografik telah dirancang untuk memantapkan lagi penyampaian maklumat melalui media sosial.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

28. Kita perlu sedar bahawa senario dan landskap perkhidmatan awam dulu dan kini adalah berbeza sama sekali di mana kini kita berhadapan dengan rakyat yang lebih berpengetahuan, lebih vokal dan berani untuk menyuarakan pandangan mereka secara terbuka. Selain itu, kehadiran media sosial juga membolehkan penyaluran dan penerimaan maklumat dengan lebih pantas

tanpa dibatasi dengan keperluan mensahihkan maklumat- maklumat terbabit. Berdasarkan cabaran -cabaran yang dihadapi oleh kita semua khususnya ketua -ketua PTJ seharusnya membudayakan program 'turun padang' bagi mengelakkan berlakunya cetusan isu oleh mana -mana pihak di kemudian hari. Pembudayaan program 'turun padang' ini juga bukan sahaja terhad kepada memahami dan menyelami apa yang berlaku di peringkat pelanggan kita, malahan ia juga perlu merangkumi warga kerja di peringkat fasiliti terkecil. Ini bertujuan untuk membentuk keharmonian hubungan dan merapatkan jurang di antara Ketua PTJ dan pekerja khususnya di peringkat lapangan dan akar

umbi. Melalui program 'turun padang', Ketua - ketua PTJ dapat berinteraksi dengan anak - anak buah masing -masing serta merasai sendiri pengalaman dan permasalahan yang dilalui oleh anak buah mereka. Secara tidak langsung, ia memberi gambaran bahawa keluhan dan kebajikan mereka sentiasa didengari oleh Ketua Jabatan.

29. Ingin saya tegaskan bahawa kecemerlangan atau kejayaan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai tanpa perjuangan gigih serta pengorbanan. Saya percaya setiap di antara kita pasti ingin mencipta kecemerlangan dalam kerjaya, namun tidak semua di antara kita yang

sanggup menyingsing lengan menongkah arus cabaran yang mendatang. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar kita semua meningkatkan lagi penguasaan ilmu pengetahuan serta melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan agar kita dapat berperanan sebagai *change agent* atau pemacu perubahan yang utama. Justeru itu, sudah sampai masanya untuk kita mengorak langkah dan terus maju serta berani untuk melakukan perubahan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada semua.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

30. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kerja yang telah menaikkan imej Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Semoga apa yang kita lakukan dengan keikhlasan akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan membuahkan hasil yang dapat memberi manfaat kepada kepada semua. Saya juga berharap agar usaha menambahbaik prasarana dan segala kemudahan sediaada

terutamanya di Hospital dan semua fasiliti kesihatan di negeri Melaka akan dipermudahka oleh Allah S.W.T tanpa mengabaikan kebajikan kakitangan kita. Akhir kata marilah kita berganding bahu bersama-sama berkerja dengan penuh dedikasi dan meningkatkan iltizam kita untuk mencapai objektif dan memenuhi visi dan misi kita kearah kemashlahatan Ummah.

Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz
Wabillahi taufiq walhidayah,
wassalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.